



IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Pejabat Menteri Besar Johor bagi jawatan berikut:-

1. (a) Jawatan : Pembantu Penyediaan Makanan (Tukang Masak)
- (b) Gred : N19
- (c) Kementerian/Jabatan : Pejabat Menteri Besar Johor
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
- (e) Klasifikasi Perkhidmatan : Pelaksana
- (f) Jadual Gaji :

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|--------------|---------------|-----------------------------|
| RM1,352.00 | RM4,003.00 | RM100.00 |
- (g) Taraf Jawatan : Kontrak
- (h) Elaun-Elaun :

| | |
|---------------------------------|------------|
| Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam | : RM115.00 |
| Imbuhan Tetap Perumahan | : RM300.00 |
| Bantuan Sara Hidup | : RM350.00 |
- (i) Syarat Lantikan
 - i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (keutamaan kepada calon yang lulus subjek Ekonomi Rumah tangga pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia).
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
(ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40; atau
(iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80)

ii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(j) Deskripsi Tugas :

Melaksanakan penyediaan makanan/minuman berdasarkan menu yang telah ditentukan dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

| 2. (a) Jawatan | : | Pembantu Operasi (Pelayan Rumah) | | | | | | | | |
|------------------------------|--------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|--------------|---------------|-----------------------------|--|-------------|-------------|----------|
| (b) Gred | : | N11 | | | | | | | | |
| (c) Kementerian/Jabatan | : | Pejabat Menteri Besar Johor | | | | | | | | |
| (d) Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran dan Sokongan | | | | | | | | |
| (e) Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana | | | | | | | | |
| (f) Jadual Gaji | : | <table border="1"><thead><tr><th></th><th>GAJI MINIMUM</th><th>GAJI MAKSIMUM</th><th>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</th></tr></thead><tbody><tr><td></td><td>RM 1,216.00</td><td>RM 2,983.00</td><td>RM 80.00</td></tr></tbody></table> | | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN | | RM 1,216.00 | RM 2,983.00 | RM 80.00 |
| | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN | | | | | | | |
| | RM 1,216.00 | RM 2,983.00 | RM 80.00 | | | | | | | |
| (g) Taraf Jawatan | : | Kontrak | | | | | | | | |
| (h) Elaun-Elaun | | Imbuhan Tetap Perkhidmatan Awam : RM95.00 Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00 Bantuan Sara Hidup : RM350.00 | | | | | | | | |

(i) Syarat Lantikan

i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N11: RM1,216.00); atau
- (d) Mempunyai pengalaman atau kelulusan dalam bidang perhotelan / 'housekeeping' adalah satu kelebihan.

ii) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang – kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

iii) Syarat Kelayakan Tambahan :

Lulus dalam empat (4) mata pelajaran lain termasuk Matematik (Gred E bagi Pentaksiran Tingkatan Tiga /Gred D bagi Penilaian Menengah Rendah).

(j) Deskripsi Tugas :

Mengemas, membersihkan rumah, menggosok pakaian serta menghidangkan makanan dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Cara Membuat Permohonan:-

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang MBJ.01** yang boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Kerajaan Negeri Johor di <https://www.johor.gov.my/> atau dengan mengimbas Kod QR di bawah:



- (b) Borang yang telah lengkap diisi dengan jelas dan terang hendaklah disertakan dengan sekeping **gambar berukuran passport terkini** dan **salinan diakui sah** dokumen-dokumen berikut:

- (i) Salinan Sijil Kelahiran
- (ii) Salinan Kad Pengenalan
- (iii) Salinan Surat Berhenti sekolah yang terakhir
- (iv) Salinan Sijil PMR/SPM/SVM/SKM

- (c) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA SETIAUSAHA SULIT MENTERI BESAR JOHOR,
ARAS 4, BANGUNAN DATO JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR,
79502 ISKANDAR PUTERI,
JOHOR**

- (d) Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan sekiranya dipanggil temuduga, hendaklah menyertakan Surat Sokongan dari Ketua Jabatan, Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini beserta Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir.

- (e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.

- (f) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.

- (g) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

- (h) Tarikh Tutup Permohonan : **4 JULAI 2024 (KHAMIS) JAM 3.30 PETANG**

No. Tel. Pejabat: 07-266 6355 / 42

Tarikh : 10 Jun 2024